

Jaminan Bank Helaian Pendedahan Produk

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Jaminan Bank. Pastikan anda juga membaca terma dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada Pengurus Perhubungan Bank / Pengurus Perniagaan Bank anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma am.</p>	<p>Alliance Bank Malaysia Berhad (“ABMB” atau “Bank”)</p> <p>JAMINAN BANK (BG)</p> <p>Tarikh: _____</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>Jaminan Bank (BG) ialah aku janji yang dikeluarkan oleh Bank atas permintaan pelanggan Bank yang memihak kepada pihak ketiga (Benefisiari) yang menjamin pembayaran sekiranya berlaku keingkar. Kami menyokong perniagaan anda dengan menyediakan bon/jaminan prestasi untuk kontrak anda atau jaminan pembayaran untuk barangan dan perkhidmatan anda. Produk ini boleh didapati melalui Had Jaminan Bank yang diberikan kepada anda di bawah Kemudahan Kredit Pembiayaan Dagangan anda atau Jaminan Bank melalui Kaunter terhadap margin tunai 100%.</p>	
<p>2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Bank akan mengeluarkan aku janji kepada benefisiari atas permintaan anda. 	
<p>3. Apakah tanggungjawab saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya terdapat permintaan di bawah BG yang dikeluarkan bagi pihak anda, Bank akan mendebit akaun anda untuk menyelesaikan permintaan atau tolak selesai daripada margin tunai, yang mana berkenaan. 	
<p>4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Terbitan BG <ul style="list-style-type: none"> - Komisen: 0.1% hingga 0.15% sebulan atau sebahagian daripadanya (bergantung pada tempoh BG). Minimum RM100.00 termasuk bayaran pos RM5.00 dan Duti Setem RM10.00 - Fi pengendalian: RM100.00, jika berkenaan. • Sebarang Pindaan <ul style="list-style-type: none"> - Fi pengendalian: RM50.00 termasuk bayaran pos RM5.00 • Pindaan lanjutan/tambahan amaun BG <ul style="list-style-type: none"> - Komisen tambahan untuk tempoh lanjutan/nilai tambahan. Minimum RM50.00 campur bayaran pos RM5.00. - Fi pengendalian: RM50.00 	
<p>5. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Faedah Tertunggak pada Kadar Pinjaman Asas (BLR) + 3.50% pada jumlah tertunggak. • Hak untuk tolak selesai: ABMB berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun untuk penyelesaian tunggakan dalam akaun Kemudahan Perdagangan. • ABMB berhak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan membubarkan/menyita cagaran yang diberikan (jika ada). 	
<p>6. Bagaimanakah jika saya melakukan penyelesaian penuh bagi Jaminan Bank ini sebelum tarikh luput?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan/persetujuan daripada benefisiari mesti diperolehi sebelum pembatalan. 	
<p>7. Adakah saya perlukan perlindungan insurans/takaful?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Tidak berkenaan. 	
<p>8. Apakah risiko utama?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan oleh benefisiari sekiranya keingkaran pembayaran/prestasi oleh anda. 	

9. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?

- Cagaran: Ya
- Penjamin: Tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh ABMB

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kemudahan dan perkhidmatan pembiayaan perdagangan, anda boleh hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di pusat perbankan perniagaan atau rujuk kepada laman web kami di www.alliancebank.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Alliance Bank Malaysia Berhad
Customer Care Unit
Level 7, Menara Multi-Purpose, Capital Square
No. 8 Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel: +603 5624 3888 (Overseas) / 1-300-80-3388 (Malaysia)
Email: info@alliancebg.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK adalah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Menara Bumiputra-commerce,
Tingkat 5 dan 6, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Email: enquiry@akpk.org.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-21741515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di pusat perbankan perniagaan.

13. Apakah pakej pinjaman/pembiayaan lain yang disediakan?

- Penerimaan Jurubank
- Resit Amanah
- Surat Kredit
- Bil Eksport Dibeli/Terdiskaun
- Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport
- Perundingan Eksport

- Nota Janji Hutang
- Jaminan Perkapalan
- Pembiayaan Penjual

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB ANDA

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di sini atau sehingga _____ . Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian: Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh ABMB adalah bergantung pada penilaian kredit oleh ABMB. Penghantaran Helaian Pendedahan Produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh ABMB untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.